

**Bahagian A**

[60 markah]

*Jawab tiga soalan daripada bahagian ini.*

- 1 (a) Gambar di bawah menunjukkan suatu faktor pengeluaran.



- (i) Berikan definisi faktor pengeluaran. [1 markah]

---

---

- (ii) Terangkan ciri-ciri faktor pengeluaran di atas. [4 markah]

---

---

---

---

---

- (b) Terangkan ciri-ciri utama Ekonomi Islam. [5 markah]

---

---

---

---

---

---

(c) Dengan bantuan jadual, jelaskan hukum penawaran.

[3 markah]

---

---

---

---

---

(d) Jadual di bawah berkaitan dengan keseimbangan pasaran suatu barang.

Harga (RM)	Kuantiti Barang (unit)	
	Diminta	Ditawar
300	30	10
600	20	20
900	10	30

(i) Lukis keluk keseimbangan pasaran pada kertas graf yang disediakan.

[5 markah]

(ii) Jelaskan keadaan pasaran pada tingkat harga RM750.

[2 markah]

---

---

---

---

2 (a) Terangkan bagaimana bank pusat mengawal kestabilan nilai mata wang?

[6 markah]

---

---

---

---

---

---

---

---

---

(b) Jelaskan kelebihan dan kelemahan kemudahan overdraf.

[4 markah]

---

---

---

---

---

---

---

(c) Jelaskan konsep firma.

[5 markah]

---

---

---

---

---

---

---

- (d) Encik Hafiz telah memulakan perusahaan ternakan ikan setelah meletak jawatan sebagai penyelia kilang dengan gaji bulanan sebanyak RM2500.

Butiran hasil dan kos untuk perusahaan ternakan ikan adalah seperti berikut :

Benih ikan	RM2 500
Makanan ikan	RM3 500
Peralatan	RM1 000
Sewa tapak	RM3 000
Jumlah hasil	RM25 000

- (i) Hitungkan jumlah untung. [3 markah]

---

---

---

---

---

- (ii) Jelaskan konsep kos implisit. [2 markah]

---

---

---

---

3 (a) Maklumat di bawah berkaitan dengan sejenis pengangguran.

- |   |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"><li>• Berlaku akibat perpindahan pekerjaan</li><li>• Berlaku dalam jangka masa pendek</li></ul> |
|---|

(i) Apakah jenis pengangguran di atas? [1 markah]

---

(ii) Berdasarkan jawapan di 3(a)(i), mengapakah keadaan sedemikian berlaku? [3 markah]

---

---

---

---

---

(b) (i) Terangkan jenis kadar faedah atas pinjaman. [2 markah]

---

---

---

---

(ii) Bagaimanakah peningkatan kadar faedah atas pinjaman dapat mengatasi inflasi? [4 markah]

---

---

---

---

---

---

- (c) Maklumat berikut berkaitan dengan perdagangan antarabangsa.

**Eksport Negara Lebih Kukuh**

Kuala Lumpur 10 Julai – Eksport negara diunjur berkembang lebih tinggi sekitar 16% tahun ini terutama disokong oleh pertumbuhan ekonomi domestik yang dijangka tumbuh 5%. Dengan prospek global yang dijangka kekal sihat, peningkatan dalam perniagaan global dan keyakinan pengguna di negara membangun dan ekonomi baharu muncul, ia akan terus memberi kelebihan kepada eksport Malaysia.

*(Sumber : Utusan Online, 11 Julai 2017)*

Terangkan **lima** kepentingan perdagangan antarabangsa selain daripada yang di atas kepada negara. [ 5 markah]

---



---



---



---




---



---

- (d) Rajah di bawah menunjukkan komponen dalam imbalan pembayaran.



- (i) Apakah Akaun X dalam imbalan pembayaran? [ 1 markah]

---

- (ii) Terangkan butiran dalam Akaun X. [4 markah]

---



---



---



---



---



---

**Bahagian B**

[40 markah]

*Jawab dua soalan daripada bahagian ini.*

- 4 (a) Dengan menggunakan rajah, terangkan konsep kekurangan, pilihan dan kos lepas.

[6 markah]

(b)

**Harga Perkhidmatan Jalur Lebar (Internet ) Turun 25% Tahun Ini**

Putrajaya : Harga perkhidmatan jalur lebar turun sehingga 25% tahun ini berikutan implementasi Mandatory Standard of Access Pricing (MSAP) yang membabitkan penetapan harga siling borong bagi pihak pembekal oleh syarikat-syarikat komunikasi dalam negara. Pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) diminta untuk memantau harga perkhidmatan jalur lebar di Malaysia supaya harga pakej peringkat permulaan adalah munasabah untuk semua rakyat. Ini bertujuan untuk memastikan rakyat dari semua lapisan masyarakat dan pendapatan mempunyai akses kepada Internet serta mendapat faedah dan peluang menceburi era digital ini.

*(Ubahsuai daripada Astro Awani/ 20 Jun 2018)*

- (b) Dengan bantuan rajah tunjukkan perubahan dalam kuantiti diminta yang berlaku.

[4 markah]

- (c) Jelaskan kesan kejatuhan harga perkhidmatan jalur lebar terhadap ekonomi negara. [9 markah]

- 5 (a) Belanjawan peribadi dapat membantu individu mencapai matlamat kewangan. Jelaskan **tiga** langkah penyediaan belanjawan peribadi. [6 markah]
- (b) Jelaskan **tiga** kepentingan belanjawan peribadi yang perlu dilakukan. [6 markah]
- (c) Gambar di bawah berkaitan dengan sejenis hasil kerajaan.



Bagaimanakah kerajaan menggunakan hasil tersebut untuk mengatasi masalah inflasi dan memberi kesan ke atas guna tenaga penuh negara?

[ 8 markah]



- 6 (a) Terangkan faktor-faktor yang mempengaruhi produktiviti.

[6 markah]

(b)



KUALA LUMPUR - Di sebalik insiden buruk di Fukushima dan Chernobyl, semakin banyak negara membuat pertimbangan untuk menambah kuasa nuklear sebagai sumber tenaga.

Sementara itu, Persatuan Nuklear Dunia menganggarkan lebih 45 buah negara secara aktifnya menimbang untuk melaksanakan program kuasa nuklear.

Mikhail Chudakov, Timbalan Ketua Pengarah IAEA, berkata kuasa nuklear masih berkembang dan akan terus memainkan peranan yang penting.

Ini kerana, katanya, di samping keboleharapan, tenaga nuklear boleh juga memainkan peranan penting untuk mengurangkan perubahan iklim serta mengawal kenaikan suhu global di bawah 2.0 darjah Celsius seperti sasaran Persidangan Iklim Paris (COP21).

"Bagaimanapun ia perlu dibuat secara selamat dan tertakluk kepada keperluan perlindungan," kata Chudakov pada Forum Antarabangsa VIII ATOMEXPO 2016 baru-baru ini.

*Sumber : diubahsuai daripada Berita Harian 12 Julai 2016*

Berdasarkan petikan atas, dikatakan perkembangan tenaga nuklear banyak memberi manfaat kepada masyarakat kini. Berikan komen anda. [8 markah]

- (c) Terangkan peranan kerajaan dalam mengawal selia perkembangan tenaga nuklear.

[6 markah]

- 7 (a) Maklumat berikut berkaitan dengan operasi sebuah bank tempatan.



- Pasaran utama meliputi Malaysia, Singapura dan Indonesia.
- Beroperasi di semua negara ASEAN dengan rangkaian 1,177 cawangan
- Memiliki operasi di pusat kewangan antarabangsa di Hong Kong, Shanghai, London, New York dan Bahrain.
- Mencatat pendapatan operasi bersih sebanyak RM21.2 bilion dengan jumlah asset sebanyak RM708 bilion.

Bolehkah syarikat tersebut dianggap sebagai sebuah syarikat multinasional?

Kemukakan alasan anda.

[4 markah]

- (b) Pada pendapat anda, apakah faktor yang mendorong bank tersebut beroperasi di semua negara ASEAN? [ 8 markah]

- (c) Maklumat berikut menunjukkan kadar pertukaran antara Ringgit Malaysia berbanding dengan Pound Sterling (£) dan Dolar Hong Kong (HKD).

Tempoh	Berbanding dengan Pound Sterling	Berbanding dengan Dolar Hong Kong
1 Jun 2017	£1 = RM5.5240	HKD100 = RM55.0564
1 Jun 2018	£1 = RM5.2833	HKD100 = RM50.7759

(Sumber : [www.bnm.gov.my](http://www.bnm.gov.my))

Berdasarkan maklumat di atas, jelaskan kesan perubahan kadar pertukaran asing tersebut terhadap eksport dan import Malaysia. [8 markah]

**KERTAS SOALAN TAMAT**